

Di sebalik tabir kejayaan anak

Motivasi ibu bapa, sikap diri pelajar penentu kecemerlangan fizikal, mental

B.H 2/1/08 M/sq

Oleh Dr Rusinah Siron

KEPUTUSAN Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang diumumkan baru-baru ini menunjukkan peningkatan lebih baik daripada tahun lalu dengan hampir 28,000 pelajar atau 5.9 peratus daripada 469,401 calon yang menduduki PMR tahun ini berjaya memperoleh Gred A dalam semua mata pelajaran yang diambil.

Ramai ibu bapa yang menitikkan air mata gembira atas kejayaan anak mendapat 8A dan tidak kurang juga ibu bapa yang menitikkan air mata atas kegagalan anak tidak mendapat walau satu A pun dalam mata pelajaran yang diambil.

Dari pelbagai laporan akhbar dan dari gambar calon yang mendapat kejayaan, banyak memberi rumusan kepada ibu bapa, guru dan masyarakat bahawa semua individu boleh mendapat kejayaan dengan pelbagai latar belakang yang berbeza. Anak daripada latar belakang yang berbeza iaitu yang datang dari keluarga yang miskin, anak yang cacat, keluarga yang berada, anak yang datang dari perpecahan keluarga, anak yatim piatu dan anak bandar dan luar bandar semuanya mampu mencapai kejayaan dan kecemerlangan kerana kejayaan itu adalah hak bagi mereka yang berusaha untuk mencapainya.

Saya sebagai ibu yang mempunyai anak yang juga menduduki PMR pada 2007 dan mendapat 8A dalam peperiksaan adalah



JADI KEBANGGAAN: Mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan hasil usaha bersungguh-sungguh bererti kegembiraan buat ibu bapa.

tumbuhan diri mereka; dan

- Lakukan solat berjemaah dan aktiviti kekeluargaan lainnya bersama. Aktiviti kekeluargaan yang dijalankan itu mampu mengukuhkan ukhuwah peribadi anak.

Bagi ibu pula, janganlah lupa memasak makanan yang berkhasiat untuk anak dan jangan biarkan anak berlajar dan memakan makanan yang tidak berkhasiat kerana ia memberi impak pada kesihatan anak. Ingatlah 'masakan dari air tangan ibu adalah masakan yang paling lazat' pada anak.

Jagalah keharmonian dan kebahagiaan rumah tangga kerana keluarga bahagia dan ibu bapa yang hidup dengan penuh kasih sayang akan mampu menjana fikiran yang positif bagi anak.

Membentuk sikap positif dan rasa tanggungjawab terhadap diri anak melalui nasihat yang berguna dan tunjukkan kepada anak situasi yang akan berlaku kepada diri mereka jika tidak ada rasa tanggungjawab terhadap diri, keluarga, agama dan bangsa. Membentuk sikap patriotik dalam diri anak amat penting.

Jangan lupa memberikan rangsangan kasih sayang kepada anak seperti mengingati hari jadi mereka dan memberi hadiah pada anak dalam apa juga kejayaan yang pernah mereka capai seperti mendapat nombor yang baik dalam kelas, dalam bersukan dan sebagainya. Ini membuatkan anak rasa dihargai dan terus berusaha untuk membang-

mencapai 8A dalam peperiksaan sudah tentu dapat memahami betapa erti kegemilangan hati ibu bapa yang berusaha dengan sedaya upaya untuk memastikan kejayaan anak mereka dalam peperiksaan dan sudah tentu dalam kehidupan dan masa hadapan mereka.

Kejayaan berada di mana-mana dan tidak boleh ditentukan oleh keadaan sekolah, lokasi, latar belakang keluarga dan persekitaran, kerana terbukti sekolah tidak berasrama penuh juga mampu mencapai kejayaan cemerlang, sekolah luar bandar dengan kemudahan yang terhad juga berjaya mencatat kejayaan cemerlang, kecacatan juga tidak pernah menghalang pelajar yang cacat untuk berjaya.

Jadi apakah faktor yang boleh menjadikan seseorang pelajar itu berjaya? Saya mengadakan temu bual dengan beberapa orang pelajar cemerlang dalam PMR yang mendapat 8A hasil dari pertemuan dengan rakan saya yang mempunyai anak cemerlang dalam PMR ini. Hasil dari sesi temu bual ini dapat kita kongsi bersama untuk mengetahui bagaimana untuk membentuk kecemerlangan akademik bagi anak kita khususnya yang akan menduduki PMR pada 2008 ini.

Berikut adalah pendapat beberapa pelajar yang cemerlang dalam PMR 2007 dan mendapat 8A mengenai pendekatan belajar dan cara pembelajaran:

- Jangan selalu ponteng kelas tanpa sebab dan tanamkan dalam fikiran bahawa setiap kali ponteng kelas, banyak ilmu yang diberikan oleh guru dalam kelas akan tertinggal;
- Selalu mendengar dengan teliti akan

penerangan guru dan bertanyalah kepada guru jika tidak faham akan apa yang diajar kerana ada ketikanya dalam menjawab soalan, segala penerangan guru dalam kelas akan diingati;

- Belajarlah secara konsisten dan bukan belajar secara "sekejap ada, sekejap tak ada" minat untuk belajar. Pada awal tahun lagi belajarlah secara secara berterusan paling kurang dua jam sehari dan paling lama 4 jam, tetapi mesti konsisten;

- Buat latihan tubi secara berterusan terutama subjek yang sukar dan latihan ini perlu dibuat di buku latihan, buku kerja dan juga di akhbar yang menyiarkan ruangan pendidikan;

- Jika ada komputer di rumah, rajin baca maklumat dalam program pendidikan untuk menambahkan ilmu pengetahuan;

- Buatlah perbincangan dengan rakan kumpulan semasa dan selepas mengikut keperluan latihan dan kerja rumah yang diberikan guru;

- Bercampurilah dengan pelajar secara positif bagi mendengar nasihat dan panduan daripada mereka, tetapi elakkan daripada bercampur dengan mereka yang tidak berminat memajukan diri sendiri dalam pelajaran;

- Mendengar kata guru dan hormatilah guru kerana guru yang banyak membantu dalam memberi bimbingan kepada pelajarannya;

- Buat kerja rumah dan kerja kursus yang diberikan guru mengikut masa yang ditetapkan kerana jika tidak ia akan memberi tekanan kepada pelajar jika kerja yang lama tidak disiapkan dan mendapat kerja yang baru pula daripada guru;

- Jangan lupa untuk merehatkan fikiran dengan menyertai program riadah dan aktiviti sekolah;

- Rancanglah pembelajaran mengikut kesesuaian diri dan yang mana memberi penyelesaian kepada diri sendiri kerana setiap orang mempunyai kehendak dan keperluan yang berbeza dalam pelajaran;

- Dengar dan patuh kepada kata-kata ibu bapa kerana doa dan restu ibu bapa sangat penting dalam menjana kejayaan anak;

- Jangan suka tidur lewat malam, tetapi konsisten dengan masa tidur iaitu setiap jam 10 - 12 malam sudah masuk tidur kerana tidur awal dan bangun awal merangsang minda yang cergas dan tidak lesu; dan

- Berdoa dan bertawakal di atas usaha yang dijalankan dengan penuh keikhlasan.

Pendapat ibu bapa mengenai peranan, usaha dan komitmen yang perlu diberikan kepada anak bagi memastikan kejayaan anak dalam pelajaran mereka:

- Jalankan tanggungjawab sebagai ibu bapa dengan baik dan ikhlas kerana keikhlasan ibu bapa dalam mendidik anak-anak memberikan impak yang positif terhadap minda anak untuk berjaya;

- Pastikan perbelanjaan untuk tujuan pendidikan anak tidak diabaikan kerana banyak perbelanjaan untuk tujuan membeli buku rujukan, kelas tambahan, yuran aktiviti sekolah dan sebagainya;

- Utamakan perbelanjaan sekolah anak berbanding perkara lain yang kurang penting seperti membeli kereta baru atau perabot baru;

- Terapkan nilai murni dalam keluarga agar anak dapat pengukuhan mental, fizikal dan spiritual yang seimbang dalam per-

nal dan teliti berusaha untuk membandingkan ibu bapa mereka.

Janganlah memarahi anak-anak dengan kata-kata yang tidak elok didengar seperti 'bodoh', 'lembab otak' 'pemalas' dan sebagainya tapi gantikan dengan kata-kata yang memotivasikan anak walau pun dalam keadaan kita marah atas perlakuan anak seperti 'bertuah punya anak', 'belum pandai', 'belum rajin' dan sebagainya bagi menggantikan ayat yang tidak elok itu.

Jangan memukul anak dengan penuh rasa marah, sakit hati atau benci di kepala, muka dan tubuh badan lain yang menyakitkan. Anak akan menyimpan rasa dendam dan rasa benci pada ibu bapa. Anak akan menjauhi ibu bapa yang bertindak seperti ini dan mendekati rakan mereka yang banyak memberi 'nasihat songsang'.

Ajarlah anak agar menghormati guru dan rakan lain. Jangan menyokong dan membela anak yang ditegur guru tanpa sebab kerana ini akan lebih merosakkan mereka. Berdoalah untuk anak kerana doa dan restu ibu bapa adalah penting bagi kesempurnaan dan kejayaan anak.

Kejayaan anak dalam pelajaran adalah kejayaan yang perlu dilihat dengan perspektif yang luas iaitu dalam konteks fizikal, mental dan spiritual bagi memastikan anak bukan setakat berjaya dalam pelajaran saja, tetapi juga dalam membina sahsiah diri yang seimbang sebagai insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Prof Madya Dr Rusinah Siron ialah Pensyarah Utama Kolej Pengurusan Bisnes dan Perakaunan Uniten.